

(R)
DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM
DI KUALA LUMPUR

ROZI BIN ZAKARIA

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511148064

ot

**DAWKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM
DI KUALA LUMPUR**

ROZI BIN ZAKARIA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN 11
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

ABSTRAK

Usaha dakwah adalah tugas mulia yang perlu disampaikan kepada seluruh manusia di dunia tanpa mengira bangsa, warna kulit, darjat keturunan, lokasi penempatan, masyarakat bertamandun, masyarakat primitif dan sebagainya. Ini adalah kerana dakwah bersifat univesal dan sejagat. Persoalannya sejaughmana usaha dakwah yang telah dijalankan terhadap Mak Nyah muslim khususnya di Kuala Lumpur. Kajian ini membincangkan program dakwah yang dijalankan oleh badan dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Ia bertujuan mengenalpasti masalah-masalah yang menjadi faktor penghalang kepada perkembangan dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Di samping itu, kajian juga difokuskan kepada reaksi dan keberkesanan program yang dijalankan terhadap Mak Nyah muslim. Dalam hal ini, kajian ditumpukan kepada aspek penerimaan dan kefahaman sasaran terhadap program dakwah.

ABSTRACT

Preaching Islam or dakwah is a noble job. Dakwah calls to mankind irrespective of race, colour, creed or level of development because preaching Islam is univesal. In this context, muslim transsexual society is no exceptional from the program. The question is how far dakwah programs being implemented for them specially the muslim transsexual in Kuala Lumpur. In this research describes dakwah efforts by dakwah institution toward muslim transsexual. It identifies the factors that obstruct the advancement of Islam in society. It studies the effectiveness of past dakwah programs. Particularly it analysies the response and understanding or target toward the program.

ملخص البحث

الدعوة الاسلامية هي وظيفة هامة يجب تبليغها للناس جميعا دون النظر الى الجنس واللون والمكانة والزمان والمكان وغيرها، وذلك لأنها دعوة عالمية وشمولية. يظهر التساؤل لدى الدعاة وهو كيف تبلغ هذه الدعوة الكريمة الى الخشى المسلم في عاصمة كوالا لمبور؟ للاجابة على ذلك التساؤل يتقدم هذا البحث المناقشة عن البرامج الدعوية التي تقوم بها الحركات والجمعيات الدعوية نحو الخشى المسلم. ومن غرض البحث ايضا أن يتعرف على المشاكل التي تعرقل نحو انتشار الدعوة فيما بينهم، اضافة الى ذلك يتقدم هذا البحث ايضا بتوضيح عن التأثيرات من خلال البرامج الدعوية نحو المدعوين المذكورين. ويعرض البحث ايضا حول قضية القبول لدى المدعوين وفهمهم من خلال البرامج الدعوية التي تقدم بها الجمعيات والحركات الدعوية في عاصمة كوالا لمبور.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah. Dia yang memiliki segala keagungan yang menjadikan manusia daripada sengumpal darah. Dengan inayah dan taufikNya, penulis dapat menyempurnakan disertasi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat, para tabi'in, ulama', muslimin dan muslimat yang mentauhidkan Allah.

Pembuka bicara, selaras apresiasi kepada yang berbahagia Ustaz Roslan Mohamed selaku penyelia disertasi ini. Sekian banyak tarbiah ilmiah yang diberikan oleh beliau sepanjang penyelenggaraan disertasi ini tidak ternilai harganya. Semoga segala tunjuk ajar itu menjadi saham yang akan dinilai oleh Allah

Begini juga penghargaan yang teramat istimewa buat ayahanda dan bonda serta isteri yang sentiasa menjadi sumber inspirasi. Semoga Allah memberkati semuanya.

Akhirnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat teman seperjuangan yang memahami dan membantu dalam menyiapkan disertasi ini. Sumbangan kalian akan sentiasa dikenang.

Rozie bin Zakaria
Lot 1704-C2, Kg Changkat,
Batu 6 ¼, Jalan Gombak,
53100, Gombak, Selangor DE.

KANDUNGAN

BAB SATU : PENGENALAN TENTANG DAKWAH ISLAMIYYAH 1

1.1	PENGERTIAN DAKWAH	1
1.2	HUKUM DAKWAH	8
1.3	ASAS METODOLOGI DAKWAH	23
1.3.1	Al-Hikmah	25
1.3.2	Al-Maw'zah al-Hasanah	31
1.3.3	Al-Mujadalah bi al-Husna	34
1.4	SASARAN DAKWAH	40

BAB DUA : MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR 48

2.1	PENGENALAN KUALA LUMPUR	48
2.1.1	Sejarah Kuala Lumpur	48
2.1.2	Pentadbiran Kuala Lumpur	49
2.1.3	Pembangunan Kuala Lumpur	51
2.2	MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR	54
2.2.1	Pengertian Mak Nyah	54
2.2.2	Faktor pembentukan identiti Mak Nyah	56
2.2.3	Dilema Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur	63
2.2.4	Profil Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur	75

**BAB TIGA : PROGRAM DAN MASALAH DAKWAH DI KALANGAN
MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR** 87

3.1	PROGRAM DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR	87
3.1.1	Program dakwah agensi kerajaan	88
3.1.2	Program dakwah badan bukan kerajaan (NGO)	93
3.1.3	Program dakwah orang perseorangan	104
3.2	MASALAH DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR	109
3.2.1	Pendakwah	109
3.2.2	Institusi dakwah	113
3.2.3	Sasaran dakwah	116
3.2.4	Media dakwah	121

BAB EMPAT : LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA 124

4.1	REAKSI MAK NYAH MUSLIM TERHADAP PROGRAM DAKWAH DI KUALA LUMPUR	125
4.1.1	Sikap terhadap program dakwah	125
4.1.2	Penglibatan dalam program dakwah	131
4.1.3	Kesesuaian program dakwah	136
4.2	KEBERKESANAN DAKWAH TERHADAP MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR	144
4.2.1	Keberkesanan dari sudut kefahaman	149
4.2.2	Keberkesanan dari sudut penghayatan ibadah khusus	152
4.2.3	Keberkesanan dari sudut meninggalkan perkara maksiat	156

BAB LIMA : PENUTUP	159
5.1 KESIMPULAN	159
5.2 SARANAN	165
LAMPIRAN	
BIBLIOGRAFI	

SENARAI JADUAL

- Jadual 2.2.4.1 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Peringkat Umur
- Jadual 2.2.4.2 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Tahap Pendidikan
- Jadual 2.2.4.3 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Bidang Pekerjaan
- Jadual 2.2.4.4 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Pendapatan Bulanan
- Jadual 2.2.4.5 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Waktu Bekerja
- Jadual 2.2.4.6 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Jenis Kediaman
- Jadual 2.2.4.7 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Lokasi Kediaman
- Jadual 2.2.4.8 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Negeri Asal
- Jadual 2.2.4.9 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Peringkat Umur Mula
Menjadi Mak Nyah
- Jadual 2.2.4.10: Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Sebab Menjadi Mak
Nyah
- Jadual 2.2.4.11: Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Kesan Menjadi Mak
Nyah
- Jadual 4.1.1.1 : Sikap Mak Nyah Muslim Terhadap Program Dakwah
- Jadual 4.1.1.2 : Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Mak Nyah Muslim Suka
Terhadap Program Dakwah
- Jadual 4.1.1.3 : Faktor-faktor Yang Menyebabkan Mak Nyah Muslim
Tidak Suka Kepada Program Dakwah
- Jadual 4.1.2.1 : Penglibatan Mak Nyah Muslim Terhadap Program Dakwah
- Jadual 4.1.2.2: Penglibatan Mak Nyah Muslim Berdasarkan Institusi
Dakwah

- Jadual 4.1.2.3: Faktor-Faktor Yang Mendorong Mak Nyah Muslim Menyertai Program dakwah
- Jadual 4.1.2.4: Faktor-Faktor Yang Mendorong Mak Nyah Muslim Tidak Menyertai Program Dakwah
- Jadual 4.1.3.1 : Kesesuaian Program Dakwah Mengikut Mak Nyah Muslim
- Jadual 4.1.3.2 : Sebab Ketidaksesuaian Program Dakwah Mengikut Responden
- Jadual 4.1.3.3 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah Mengikut Jenis Program
- Jadual 4.1.3.4 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah Mengikut Masa Program
- Jadual 4.1.3.5 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah Mengiku Lokasi Program
- Jadual 4.2.1 : Tahap Keberkesanan Program Dakwah
- Jadual 4.2.2 : Sebab Keberkesanan Program Dakwah
- Jadual 4.2.3 : Sebab Tidak Berkesan Program Dakwah
- Jadual 4.2.1.1 : Keberkesanan Dakwah Mengikut Tahap Kefahaman
- Jadual 4.2.1.2 : Sebab Tidak Faham / Faham Sedikit
- Jadual 4.2.2.1: Kesan Dakwah Kepada Peningkatan Dalam Penghayatan Ajaran Islam
- Jadual 4.2.2.2: Sebab Kurang Berkesan / Tidak Berkesan
- Jadual 4.2.3.1: Kesan Dakwah Dalam Meninggalkan Perkara Maksiat
- Jadual 4.2.3.2: Sebab Kurang / Tidak Berkesan Dalam Meninggalkan Perkara Maksiat

SENARAI SINGKATAN KATA / KEPENDEKAN

SINGKATAN	MAKNA
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
Bhd	Berhad
Cet	Cetakan
Dr.	Doktor
H.	Hijrah
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
h.	Halaman
Ibid	Ibidem
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JIM	Jemaah Islam Malaysia
j.	Juzuk
M	Masehi
Op.cit	Opere Citato
Prof.	Profesor
s.a.w	Sallallah alaihi wasallam
Sdn	Sendirian
s.w.t	Subhanahu Wa Taala
t.t	Tanpa tarikh
T.P	Tanpa Penerbit
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia

TRANLITERASI

HURUF ARAB	:	NAMA DAN TRANSKRIPSI
ا	:	a, ‘ (Hamzah)
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ح	:	h
خ	:	kh
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sy
ص	:	s
ض	:	d
ط	:	t
ظ	:	z
ع	:	‘
غ	:	gh
ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k

ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
هـ	:	h

Vokal Panjang

اـ	:	aa
وـ	:	uu
يـ	:	ii

Vokal Pendek

ـ	(Fathah)	a
ـ	(dhammah)	u
ـ	(kasrah)	I

Diftong

أـ	:	aw
يـ	:	ay
يـ	:	iy/ i
وـ	:	uww

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kebangkitan dakwah di Malaysia khususnya dalam era 1970-an menjanjikan dividen dakwah yang jelas tetapi kenyataan hari ini menunjukkan bahawa orde Islamiah yang diharapkan jauh dari menjadi suatu realiti. Walaupun pergerakan dakwah telah berjaya memupuk cita-cita Islam dengan retorik Islam sebagai satu cara hidup dan Islam sebagai penyelesaian kepada masalah ummah, namun ia tidak menyeluruh kepada semua sasaran. Persoalan yang timbul bagaimana gerakan dakwah terhadap golongan Mak Nyah khususnya Mak Nyah muslim terutama yang berada di Kuala Lumpur ?

Kajian ini melihat sekelompok ummah yang tidak dapat diabaikan oleh para pendakwah untuk terjun ke medan mereka. Tiada siapapun yang dapat menafikan kewujudan golongan Mak Nyah di dalam masyarakat. Kehadiran mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana mereka membentuk kumpulan yang ketiga selain daripada lelaki dan wanita.

Merujuk kepada dakwah di kalangan Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur, ia perlulah dilakukan dengan sistematik. Ini kerana cara hidup mereka berbeza dan menyulitkan lagi usaha dakwah yang hendak disampaikan melainkan satu kajian yang berterusan haruslah dilakukan untuk mendapat cara terbaik mendekati golongan ini. Dalam hal ini penulis mengambil Mak Nyah muslim di Kuala

Lumpur sebagai skop bahan kajian bagi mendapatkan maklumat dan data mengenai dakwah di kalangan mereka.

Latar belakang Masalah Kajian

Mak Nyah telah wujud sejak dahulu lagi. Ia bukan satu fenomena baru tetapi masyarakat sering memandang serong kepada mereka kerana keadaan yang berbeza. Secara umumnya disertasi ini akan memperkatakan mengenai Mak Nyah muslim khususnya yang berada di Kuala Lumpur.

- i. Apakah faktor pembentukan golongan ini dan dilema yang dihadapi dalam mengharungi kehidupan sama ada penerimaan keluarga, masyarakat, agama dan undang-undang.
- ii. Bagaimana program-program dakwah yang dijalankan ke atas mereka setakat ini oleh pihak-pihak tertentu dan masalah yang terbit dari program tersebut.
- iii. Adakah program tersebut memberi kesan yang mendalam kepada cara hidup mereka?
- iv. Sejauhmana penerimaan, penglibatan dan kefahaman mereka dalam program dakwah?

Objektif Kajian

Memandangkan kewujudan golongan ketiga di dalam masyarakat semakin bertambah , maka penulis merasakan perlunya kajian terhadap golongan ini

terutama sekali berkaitan dengan dakwah . Oleh itu terdapat beberapa faktor yang mendorong kajian terhadap tajuk ini dilakukan, antaranya ;

- i. Untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih mendalam mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan golongan Mak Nyah muslim dari sudut faktor pembentukan identiti Mak Nyah, dilema dan profil Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur. Ini menjadi bahan kepada pendakwah untuk mengenali sasaran dengan terperinci.
- ii. Untuk meneliti masalah sebenar yang dihadapi oleh golongan ini yang tidak difahami oleh kebanyakan anggota masyarakat serta pihak-pihak tertentu yang mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan mereka.
- iii. Untuk melihat agensi dakwah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Mak Nyah muslim dan masalah yang dihadapi dalam usaha tersebut.
- iv. Untuk melihat reaksi Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dan keberkesanannya dari sudut kefahaman, penghayatan dalam ibadah khusus dan meninggalkan perkara maksiat.
- v. Untuk memberi saranan kepada semua pihak samada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung agar sama-sama terpanggil untuk menyelesaikan persoalan Mak Nyah muslim yang semakin hari semakin rumit.

Skop Kajian

Dalam rangka memudahkan pengkajian mengenai kajian ilmiah ini , penulis akan membahagikan penulisan ini kepada lima bab utama. Setiap bab akan diolah dengan gaya tersendiri. Penulis melakukan sistematika kajian seperti berikut ;

Bab satu mengutarakan pengenalan tentang dakwah Islamiyyah, iaitu pengertian dakwah, hukum dakwah, asas metodologi dakwah dan sasaran dakwah.

Bab dua pula mengutarakan pengenalan tentang Kuala Lumpur dari sudut sejarah, pentadbiran dan pembangunan. Selain dari itu, pengertian Mak Nyah, faktor pembentukan identiti Mak Nyah, dilema dan profil Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur.

Bab tiga akan membincangkan tentang program dakwah terhadap Mak Nyah muslim yang dilakukan oleh agensi kerajaan, badan dakwah bukan kerajaan dan orang perseorangan. Seterusnya membicarakan tentang masalah dakwah di kalangan Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur.

Bab keempat pula mengutarakan tentang laporan penyelidikan dan analisa data yang berkaitan program dakwah di kalangan Mak Nyah iaitu dari sudut reaksi Mak Nyah muslim dan keberkesanan dakwah di kalangan Mak Nyah muslim.

Bab kelima pula ialah penutup. Penulis akan cuba membuat kesimpulan dan saranan yang berkemungkinan boleh memperbaiki keadaan yang dicitakan.

Huraian Istilah

Sebelum penulis menghuraikan beberapa perkara penting, eloklah dahulu penulis memberikan huraian istilah ke atas topik yang hendak dikaji dengan beberapa definasi. Tajuk kajian ialah Dakwah di kalangan Mak Nyah Muslim di Kuala Lumpur. Perkataan *dakwah* juga berasal dari perkataan bahasa arab iaitu kata kerja *da'a*, *yad'u*, *da'watan*, *du'a'an*. Ia membawa maksud ajakan, seruan atau panggilan.¹

Menurut al-Munjid, ia membawa makna seruan atau laungan. Manakala al-Mu'jam al-Wasit mentakrifkan sebagai cenderung ke arah sesuatu atau menyeru ke arahnya.² Dr. Teuku Iskandar pula mendefinisikan perkataan dakwah sebagai penyebaran agama (lazimnya Islam),³ manakala Kamus Dewan Edisi Ketiga mendefinisikan dakwah sebagai kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.⁴ Di dalam bahasa Inggeris dakwah disebut *mission* yang bererti tujuan atau peranan kumpulan tertentu dan terutama

¹ Ibn Manzur (t.t), *Lisan al-Arab*. Kaherah: AL-Muassasah al-Misriyyah al-Ammah. h 281-287

² Dar al-Misr (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*. cet 2.juz 1. Kaherah:Dar-al-Misr. h 221

³ Dr.Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan Edisi Baru*. cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h 244

⁴ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h 263

sekali berkenaan tanggungjawab keagamaan.⁵ Berdasarkan pengertian tersebut dakwah adalah kegiatan menyeru ke arah Islam.

Menurut Kamus Dewan *kalangan* memberi maksud golongan tertentu.⁶ Manakala *muslim* bermaksud orang yang beragama Islam.⁷ *Mak Nyah* bermaksud golongan laki-laki yang bersifat keperempuanan.⁸

Mak Nyah merupakan istilah yang boleh dikatakan baru digunakan secara meluas yang sebelum ini penggunaannya agak terhad. Istilah lain turut digunakan seperti pondan, bapok, cek mek, darai, adik-adik, kedi, khunsa dan sebagainya. Namun begitu istilah yang paling popular ialah Mak Nyah. Mak Nyah boleh digambarkan juga sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri fizikal, tingkahlaku, emosi seksual yang merangkumi kedua-kedua jantina.⁹

Di Indonesia istilah yang digunakan kepada golongan ini ialah benci.¹⁰ Dari istilah di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Mak Nyah adalah istilah kepada laki-laki yang menampilkan diri sebagai perempuan.

⁵ A.S. Hornby (1985), *Oxf. Advanced Learner's, Dic. of current English*. England: Oxf. Uni.Press. h.406

⁶ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998), *op.cit* . h 564

⁷ *Ibid* . h 912

⁸ *Ibid* . h 1050

⁹ Prof Madya Dr.Hj.Wan Halim Othman (1987), *Dilema Mak Nyah di dalam Masyarakat Malaysia*, Kertas kerja Seminar Mak Nyah. Pusat Bahasa Universiti Malaya, 24-25 Okt.1987

¹⁰ *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1982), Jakarta: PN Balai Pustaka. h 83

Ulasan Penulisan (Review of Literature)

Terdapat beberapa kajian-kajian yang telah dilakukan terhadap Mak Nyah. Antara yang menarik perhatian ialah kajian Shedek Abu Bakar (1995). *Dakwah Kepada Golongan Mak Nyah; Satu Kajian khusus di Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah B.A. Usuluddin, Universiti Malaya. Kajian di atas hanya mendedahkan secara ringkas sahaja mengenai golongan minoriti ini, di samping memaparkan usaha dakwah terhadap Mak Nyah yang pernah dilakukan oleh JAKIM pada tahun 1991 tanpa menganalisa keberkesanan dan masalah yang timbul dari program dakwah tersebut. Oleh sebab itu penulis merasakan perlunya satu kajian yang lebih menyeluruh dilakukan, disamping melihat program dakwah terkini yang dilakukan oleh badan-badan dakwah dengan menganalisa tentang keberkesanan dan masalahnya.

Selain dari kajian di atas, terdapat satu lagi kajian terhadap golongan Mak Nyah iaitu kajian Nazri Hamid (1992) *Kedudukan Mak Nyah Menurut Pandangan Islam: Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah B.A. Syariah, Universiti Malaya. Kajian ini hanya melihat dari sudut pandangan Islam terhadap golongan Mak Nyah tanpa menyentuh soal pandangan Mak Nyah terhadap dakwah Islam. Oleh itu kajian tentang pandangan atau reaksi Mak Nyah terhadap dakwah Islam perlu dilakukan bagi menilai sama ada mereka memberi respon yang baik atau tidak terhadap program dakwah.

Terdapat satu lagi kajian tentang Mak Nyah iaitu Suraiya Syed Mohamad (1989) *Mak Nyah*. Latihan ilmiah, Fakulti Sastera, Universiti Malaya. Kajian ini

hanya memaparkan tentang siapa sebenarnya golongan Mak Nyah. Kajian yang akan dilakukan penulis bukan sahaja memaparkan siapa golongan Mak Nyah malah memberi gambaran yang lebih jelas tentang faktor pembentukan identiti Mak Nyah, dilema Mak Nyah dan profil golongan ini di Kuala Lumpur.

Jelasnya, kajian terhadap Mak Nyah amat sedikit dan tidak menyeluruh terutamanya terhadap Mak Nyah muslim. Penulis merasakan kajian terhadap dakwah terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur bukan sahaja memaparkan suatu kajian yang baru tapi memperkemaskan kajian-kajian yang telah lalu.

Metodologi Kajian

Dalam rangka penulisan disertasi ini, penulis akan menggunakan beberapa metod yang ada hubungkait dengan kajian iaitu ;

i. Metod penentuan subjek

Ia digunakan dalam menentukan subjek kajian yang telah dibuat oleh penulis iaitu menetapkan Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur. Segala keterangan mengenai Mak Nyah akan diberi perhatian dalam kajian ini.

Dalam menentukan subjek kajian ini, penulis telah menggunakan metod sampling. Rasionalnya kerana bilangan Mak Nyah muslim adalah terlalu ramai ditambah pula kesukaran untuk menghubunginya. Penulis telah menggunakan metod ini dengan memilih sebilangan Mak Nyah sebagai responden untuk

dijadikan *sample*. Bagi menjamin dan memastikan pemilihan sample tersebut dapat mewakili majoriti Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur, penulis telah memberikan penumpuan kajian kepada semua peringkat umur dan diyakini mampu menghasilkan resolusi yang mewakili keseluruhan Mak Nyah.

ii. Metod pengumpulan data

Bagi menyempurnakan disertasi ini, penulis akan menggunakan beberapa metod yang relevan dengan metod pengumpulan data. Penulis begitu berminat untuk membuat penyelidikan lapangan kerana dengan cara dan kaedah ini , ianya akan dapat menambah dan memperkayakan lagi setiap khazanah ilmu seterusnya dapat memberi latihan kepada penulis agar sentiasa tekun dan tabah di dalam melakukan sesuatu usaha dan kerja .

Dalam menjalankan penyelidikan, penulis berusaha mencari dan mengumpul data-data yang diperolehi seterusnya membuat analisa terhadap data-data yang terkumpul. Di dalam proses pengumpulan data-data ini penulis akan menggunakan beberapa jenis metod antaranya ialah :-

a) Metod Historis

Dalam disertasi ini penulis akan menggunakan metod di atas bagi mendapatkan kesemua data-data yang tepat tentang latar belakang tempat kajian.

b) Metod Dokumentasi

Metod ini akan digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi menjelaskan tentang Mak Nyah Muslim. Selain itu ianya turut digunakan dalam membuat pencarian maklumat tentang Mak Nyah. Oleh itu penulis akan merujuk kepada data-data umum dan hasil penulisan terdahulu antaranya seperti latihan ilmiah, buku-buku, majalah, risalah, kertas kerja seminar dan lain-lain.

Dalam mendapatkan data-data untuk disertasi ini, penulis akan menggunakan beberapa buah perpustakaan antaranya ialah :-

1. Perpustakaan utama, Perpustakaan Zaaba, Perpustakaan Akademi Islam di Universiti Malaya
2. Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur
3. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Perpustakaan Negara Malaysia

c) Metod Observasi

Metod ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang masalah kajian. Untuk mencapai maksud tersebut penulis telah membuat tinjauan khusus di Kuala Lumpur. Melaluinya penulis berjaya memperolehi maklumat mengenai Kuala Lumpur dan maklumat tentang Mak Nyah Muslim di Kuala Lumpur.

d) Metod wawancara/interview

Di dalam kajian ini penulis akan mengadakan wawancara dengan mereka yang ada kaitan dengan masalah kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Melalui cara ini penulis akan memperolehi maklumat dalam bab dua, tiga dan empat.

iii. Metod Analisa Data

Semua data dan maklumat yang akan diperolehi melalui metod-metod yang telah disebutkan di atas, penulis akan menganalisa dan mentafsirkannya dalam bentuk penulisan ilmiah secara lebih teratur, kemas dan rapi. Oleh yang demikian penulis akan menggunakan metod-metod seperti berikut :-

a) Metod Induktif

Metod induktif akan digunakan untuk menarik kesimpulan dan bukti yang bersifat khusus untuk menjadikan kesimpulan yang bersifat umum. Penulis akan membuat kajian ke atas data-data mengenai Mak Nyah Muslim di Kuala Lumpur. Ianya akan dijadikan suatu kesimpulan dan panduan secara umum kepada mereka yang berminat dalam mengkaji tentang Mak Nyah.

b) Metod Deduktif

Metod ini akan digunakan oleh penulis untuk menganalisa data yang bersifat umum untuk dijadikan kesimpulan bagi yang bersifat khusus. Ini bagi membawa

kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus hasil daripada kajian terhadap maklumat mengenai Mak Nyah Muslim di Kuala Lumpur.

c) Metod komparatif

Metod ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data dan fakta yang diperolehi.